



Ada dua ura-ura yang nampaknya menjadi satu perkara yang pahit pada perasaan ura-ura Islam umumnya iaitu yang pertama tentang berita Persekutuan Seruan Islam se-Malaya juangnya kaum ibu hendak mengadakan peraduan fesyen dan yang kedua ialah ura-ura majlis penasihat Islam Kerajaan Singapura hendak mengadakan sandiwara untuk mencari derma menubuhkan rumah kebajikan Islam. Perkara ini dipandang pahit, lebih pahit daripada kopi pahit tidak lain ialah kerana yang pertama sebuah pertubuhan seruan Islam tidak cukup menjalankan seruan-seruan supaya orang berbalik kepada Islam tetapi lalu berpaling tadah mengadakan peraduan fesyen sekalipun di antara mereka sesama mereka; sedang majlis Islam yang menasihati kerajaan akan mengadakan pula sandiwara maka sudah tentu menunjukkan sepuh daripada senamnya yakni menunjukkan kebaikan ahli-ahlinya kurang kuat perdirian tentang agama sebab orang-orang awam masih lagi tidak gemar sesuatu kebajikan dijalankan dengan cara sudah tentu bertentangan dengan ajaran agama sama ada disadari atau tidak! Berhati-hatilah kalau bekerja di atas nama Islam!

Tuduhan ke atas orang-orang yang tidak bersumpah kepada UMNO disiarkan oleh "Juru-jurucakap" UMNO ialah alat penjajah, kaki penjajah, talibarut penjajah dan seumpamanya-sehingga termasuk di dalamnya Doktor Burhanuddin dan Encik Ishak Bin Haji Muhammad (kedua-duanya telah jadi kurban penjajah-beberapa tahun di dalam tahanan). Cakap-cakap yang serupa itu di sana sini disebut dan ditulis pula di dalam "Suaranya" -dan dengan malangnya tuduhan itu hanya tuduhan sahaja- tidak diberi penjelasan dan keterangan- tidak terbukti. Adakah orang ramai akan percaya kepada tuduhan yang tidak terbukti itu? Masing-masing orang ada fikiran- dan lazimnya tuduhan yang begitu tidak diterima- ia membawa permusuhan dan perpecahan- bukannya sahaja bagi orang-orang yang di luar UMNO tetapi sebahagian besar dari ahli-ahli UMNO sendiri terasa "jengkel" atas perbuatan juru-juru cakapnya yang nampaknya bukan menarik orang bersumpah tetapi sebaliknya menjadikan orang lebih jauh daripadanya- Sebabnya harus tidak lain jika tidak disebut kalimah-kalimah tuduhan penjajahan- mereka tidak dapat mengisi hujah-hujahnya dan tidak mendapat sorak-sorak itu ada besar ertinya kepada pemimpin-pemimpin yang di atas supaya galak ia disuruh keluar sebab tiap-tiap keluar daripada pejabat

tentu ada bahagiannya yang dapat daripada wang rakyat yang jadi kurban? Tengku sepatutnya mesti memeriksa dan berhati-hati jika mau mendapat perhatian ramai- kerana ramai akan menyertainya jika dengan aturan dan cara yang baik dan berbudi bahasa dan bermesyuarat- bukan cara maki hamun mengikut fasis dan komunis.

Dalam suratkhbar-suratkhbar Inggeris telah rebut menyambut kenyaan Tuan Lee Kuan Yew menyatakan bahawa di antara kolonialisme dan komunisme- ia memilih komunis- ia menyatakan juga ia bukan seorang komunis.

Daripada imbasan-imbasan ini orang faham ke mana arah haluannya kerana kalau tidak ada angin masakan pokok bergoyang. Kerana nampaknya banyak campuran-campuran pemimpin-pemimpin PETIR itu di dalam gerak-gerak mogok sekarang dan dalam gerak penuntut-penuntut sekolah Cina maka akhbar harian Melayu tempatan bangun mempertahankan: PETIR adalah dimomok-momokkan sebagai pro-komunis dan seumpamanya. Tetapi bagaimana tentang pengakuan Tuan Lee Kuan Yew? Dengan ini beberapa rencana lain nampaknya harian "Melayu" tempatan itu sudah menjadi suara setengah rasmi PETIR. Betulkah begitu?

UMNO telah tuduh orang-orang yang tidak bersumpah dengannya alat penjajahan dan sebagainya terutamanya ditujukannya kepada parti Negara dan dengan serangan itu sudah tentu parti Negara tidak boleh diam lalu menuduh UMNO alat orang-orang Cina dan menerima suap daripada orang-orang Cina- kata berjawab gayung bersambut! Dan kerana UMNO telah diserang, harian "Melayu" tempatan telah menuntut bila mengatakan bahawa orang-orang Cina sekarang tidak patut diasingkan lagi- mereka berhak di negeri ini seperti keadaan orang Melayu! Orang tidak menafikan ada hak mereka tetapi dengan cara mana? Wal hasil terang-terang nampaknya ia membela muslihat orang Cina sedang pada suatu masa pula membela Melayu, semasa lagi membela PETIR- di manakah perdirianya? Bagi orang-orang beragama cara yang demikian itu disebut muzabab!

Akhirnya ruangan ini mengucapkan selamat hari raya kepada pembaca-pembaca sekalian dan Ikhwān al-Muslimīn. Marilah kita berhari raya mengikut cara hari raya yang sebenar dengan menjauhi perbuatan-perbuatan yang 'āṣī. Marilah kita, Ikhwān al-Muslimīn bersama-sama menunaikan janji kita di hadapan Allah "Sembahyang dan ibadat kita, hidup dan mati kita adalah kerana Allah Subhānahu wa Ta'ālā". Hidupkanlah di dalam dada kita bahawa kepada kita ditugaskan bekerja untuk menyampaikan cita-cita supaya hukum Tuhan berjalan supaya negeri tanah air kita ini menjadi sebuah negara bahagia "*balwatan tayyibatun wa rabbu ghafūr*"- Cemeti al-Farouk